

## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 15 TAHUN 1978

Tuan,

### Pemberian Tambang Percuma Untuk Menunaikan

#### Fardhu Haji

Saya diarah menarik perhatian kepada [Perintah Am 34 dan 35 Bab 'C'](#) bagi kemudahan Cuti Haji seperti yang dipinda oleh pekeliing - pekeliing perkhidmatan yang melaksanakan tanggungjawab bersih baharu Laporan Jawatankuasa Kabinet. Seseorang pegawai yang beragama Islam yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 10 tahun adalah berkelayakan untuk mendapat Cuti Haji bergaji penuh selama tidak melebihi 4 bulan, tetapi sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatannya.

2. Kekeliruan telah timbul tentang kemudahan tambang bagi perjalanan menunaikan fardhu haji itu, iaitu :-

- (i) samada pegawai - pegawai Kerajaan layak diberi kemudahan tambang percuma untuk menunaikan fardhu haji; dan
- (ii) jika layak, adakah pegawai - pegawai yang telah bersara daripada perkhidmatan Kerajaan layak menggunakan kemudahan itu selepas mereka bersara dari perkhidmatan.

3. Untuk menghapuskan sebarang keraguan, maka Surat Pekeliing ini **menjelaskan tentang Cuti Haji dan kelayakan Tambang Percuma yang diberi oleh Kerajaan**. Selepas penyemakan gaji dalam tahun 1969 dan 1970, Kerajaan tidak lagi mengadakan kemudahan tambang untuk menunaikan fardhu haji kecuali dalam keadaan yang berikut :-

- (i) pekerja - pekerja yang beragama Islam yang telah dilantik sebelum 1hb. Januari, 1957 oleh Kerajaan - kerajaan Negeri Kedah dan Johor, dan
- (ii) pegawai - pegawai yang beragama Islam yang tertentu yang telah dilantik ke dalam Perkhidmatan Negeri Kedah selepas 1hb. Januari, 1957

yang telah memilih untuk tertakluk di bawah Perintah Am Negeri - negeri itu dan telahpun patut serta juga berkelayakan menerima pemberian kewangan untuk menunaikan fardhu haji pada satu haribulan selepas tarikh mereka memulangkan borang pilihan sendiri yang telah mereka penuhi mengikut peruntukan [Pekeliing Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1970](#) atau [Pekeliing Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 1971](#) mengikut mana yang berkenaan, adalah terus layak menerima pemberian itu secara khas untuk penyandang.

4. Sekelian pekerja yang lain daripada yang disebutkan di perenggan 3(i) dan (ii) di atas, samada di Negeri Kedah dan Johor atau di Negeri - negeri lain, adalah tidak layak menerima pemberian kewangan untuk menunaikan fardhu haji.

5. **Cuti Haji adalah diberi sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatan dan hendaklah diambil ketika seseorang pekerja itu masih lagi berkhidmat**. Cuti Haji tidak boleh dijadikan cuti sebelum bersara. Dengan hal yang demikian, pekerja - pekerja yang telah layak menikmati pemberian kewangan bagi maksud menunaikan fardhu haji hendaklah memohon untuk menggunakan pemberian itu ketika masih lagi di dalam perkhidmatan. Kerajaan tidak akan membuat

tidak akan membuat pemberian kewangan untuk membiayai tambang percuma bagi menunaikan fardhu haji kepada pekerja - pekerja yang telah bersara atau di dalam percutian sebelum bersara.

6. Oleh hal yang demikian, Ketua - ketua Jabatan hendaklah memastikan supaya menarik perhatian pegawai - pegawai yang layak mendapat pemberian tambang percuma untuk menunaikan fardhu haji secara khas untuk penyandang itu kepada fatwa yang diberi oleh Surat Pekeliling ini dan mengatitkan rancangan untuk menunaikan fardhu haji sebelum mereka itu bersara daripada perkhidmatan Kerajaan dan untuk menikmati faedah pemberian tambang percuma tersebut.

Saya yang menurut perintah,

(NIK MUSA BIN NIK ABDULLAH)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri,

Semenanjung Malaysia,

Sabah dan Sarawak.